

20 DEC 2001

MCA-Jelajah

PARA PEMIMPIN TEAM B MCA JELAJAH KE SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Para pemimpin yang menyokong timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek berkata mereka akan menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penjelasan kepada anggota parti berikutan keputusan Jawatankuasa Pusat MCA untuk menggantung sayap Pemuda.

Naib presiden parti Datuk Chua Jui Meng berkata mereka akan menjelaskan kepada anggota parti, pergerakan Pemuda dan wanita berhubung dengan isu itu dan apa yang berlaku semasa mesyuarat Jawatankuasa Pusat yang membuat keputusan itu di sini malam ini.

"Kami akan melawat ke seluruh negara, kami akan menjelaskan secara rasional dan kami akan mendengar pandangan mereka mengenai bentuk tindakan yang harus diambil," kata beliau pada persidangan media di Wisma MCA di sini selepas mesyuarat.

Keputusan itu diumumkan selepas Jawatankuasa Pusat memutuskan untuk menerima hasil siasatan jawatankuasa veteran mengenai pergaduhan semasa mesyuarat agung tahunan Pemuda MCA pada 3 Ogos walaupun ia dibantah oleh anggota Team B iaitu Datuk Lim Ah Lek, Datuk Chan Kong Choy, Datuk Ong Tee Keat, Datuk Tang See Hang, Datuk Wong Mok Leong, Datuk Fu Ah Kiow dan Datin Paduka Tan Yee Kew.

Chua berkata mereka membantah keputusan itu berdasarkan prinsip undang-undang, perlembagaan dan keadilan tabii dan apa yang adil kepada mereka berkenaan.

Chua berkata keputusan itu bertujuan untuk menghalang anggota-anggota Pemuda daripada cuba memanggil mesyuarat agung luar biasa (EGM).

"Jika berani, bawa itu ke EGM, tetapi tidak, mereka mahu menggantung sayap pergerakan Pemuda, mereka mahu menghalang kamu daripada mengadakan mesyuarat agung luar biasa," kata Chua.

Ketika ditanya bila para pemimpin Team B akan memulakan lawatan ke seluruh negara untuk memberi penjelasan mengenai isu itu, Chua berkata: "Malam ini".

Menurut perlembagaan MCA, mesyuarat agung luar biasa boleh dipanggil sama ada oleh presiden, Ketua Pemuda atau Wanita, satu pertiga daripada anggota jawatankuasa Pusat atau satu pertiga daripada perwakilan parti dalam tempoh 21 selepas memberi notis.

ketika ditanya apakah yang akan berlaku kepada aktiviti Pemuda, Chua berkata merteka telah digantung sayap Pemuda tetapi pergerakan pemuda masih boleh berfungsi kerana cawangan dan bahagiannya tidak digantung dan Datuk Ong Tee Keat kekal sebagai Ketua Pemuda Kebangsaan.

Semasa ditanya sama ada mereka akan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campurtangan dalam isu itu, Chua berkata: "Saya berpendap[at tidaklah adil untuk meminta Perdana Menteri berbuat demikian. Tetapi kami akan memakumkan kepada Perdana Menteri mengenai perkembangan terbaru dari semasa ke semasa.

Ketika ditemui pada persidangan media yang sama, timbalan presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata beliau kesal dengan keputusan Jawatankuasa Pusat kebangsaan dan menyifatkannya sebagai "tidak munasabah".

-- BERNAMA

AT MAM FAZ